

# Eropah, Asia Timur perlu saling menghormati

SINGAPURA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan revolusi ekonomi, politik, psikologi, dan kebudayaan perlu dibuat bagi mewujudkan keadilan dan kesamarataan Orde Baru Dunia.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan menentukan masa depan yang lebih terjamin tanpa pengaruh mana-mana pihak atau kuasa tertentu baik dari segi ekonomi mahupun politik.

“Harapan saya supaya abad ke-21 menyaksikan era paling baik berbanding abad sebelum ini dalam semua aspek tanpa dipengaruhi mana-mana pihak serta melahirkan persamaan dan sikap saling menghormati.

“Keperluan mewujudkan kemakmuran, keadilan, egalitarian dan kesamarataan serta saling menghormati perlu dilihat dalam konteks perhubungan Eropah-Asia Timur,” katanya

ketika berucap pada Sidang Kemuncak Ekonomi Eropah-Asia Timur (E/EAES) di sini petang ini.

Ucapan bertemakan “Menggerakkan semula perhubungan ekonomi dan politik di antara Eropah dan Asia Timur” itu menghuraikan secara terperinci mengenai langkah serta tindakan yang boleh diambil bagi memantapkan kerjasama ekonomi kedua-dua rantau berkenaan.

Sidang tiga hari itu bermula semalam dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, malam tadi. Ia dihadiri hampir 500 ketua kerajaan, tokoh korporat dan pakar dari Eropah dan Asia Timur bertujuan memperluaskan kerjasama ekonomi dan perhubungan perniagaan negara anggota.

Selain itu, ia berusaha mencari mekanisme dan strategi baru meningkatkan

kerjasama pelbagai hala.

Dr Mahathir berkata, revolusi ekonomi perlu dibuat kerana ketika ini wujud jurang amat ketara dengan berjuta-juta penduduk dunia masih hidup di bawah paras kemiskinan.

“Bagaimanapun, Revolusi Politik masih diperlukan kerana unsur demokrasi, egalitarianisme atau persamaan masih kurang manakala kepimpinan berkelompok pula terlalu banyak diamalkan dalam masyarakat dunia hari ini.

“Revolusi psikologi dan kebudayaan juga diperlukan disebabkan unsur kepercayaan yang pelbagai dalam dasar negara miskin sedangkan minat kita bertumpu kepada dasar negara jiran yang kaya bagi membolehkan kita berupaya menimba kekayaan serta kemewahan mereka,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan kini

sudah tiba masanya bagi Eropah dan Asia Timur membuat perubahan revolusi bagi mewujudkan kemajuan serta keamanan bersama.

“Pertama, Eropah Barat harus menjual lebih banyak kepada Asia Timur dan begitulah juga sebaliknya. Kita perlu mempertingkatkan serta memperkukuhkan perhubungan perdagangan,” katanya.

Menurutnya, sementara aliran perdagangan dua hala itu dipertingkatkan, revolusi kesedaran penting bagi Eropah sebagai asas untuk memahami keadaan sebenar di rantau Asia Timur.

Sebaliknya, kata beliau, Asia Timur juga harus memahami keadaan di Eropah. Pada 1990, Asia Timur menyumbang 23.7 peratus kepada keluaran dunia, tetapi pada tahun yang sama hanya 8.8 peratus daripadanya dibekalkan untuk memenuhi import Komuniti Eropah (EC).